



مجلس أئمة إسلام  
دان عادت ملايو فراق

# خالد

EDISI KETIGA 2016

BIL. KEDUA PULUH SATU

# MAIPK

PERCUMA

## DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN **MENYEMPURNAKAN MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN PELAN STRATEGIK 2016-2021 MAIPK**



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SEMPENA PELANCARAN LOGO DAN PELAN STRATEGIK 2016 – 2021

**A**lhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga Baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat.

Pertamanya saya bagi pihak Anggota-Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dan seluruh warga kerjanya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah kerana berkenan mencemar duli bagi menyempumakan Majlis Pelancaran Logo dan Pelan Strategik MAIPK. Kesudian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menyempumakan majlis ini sesungguhnya menguatkan lagi semangat, tekad dan iltizam kesemua warga MAIPK untuk terus istiqomah dalam mendepani cabaran dan merintangi zaman yang selari dengan peranan MAIPK sebagai Muassasah Pentadbiran Islam di Negeri Perak, Muassasah yang berwadahkan kesyumulan agama Islam, dan Muassasah yang bersendikan keluhuran adat Melayu.

Pelan Strategik MAIPK telah direncana dengan teliti dan komprehensif dengan mengambil intipati yang tercetus daripada Titah Perutusan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang dizahirkan pada 13 Februari 2015, sempena majlis pengurniaan watikah kepada Anggota-Anggota MAIPK. Ia dijadikan sebagai kompas panduan untuk Anggota-Anggota Majlis dan semua Institusi Islam di Negeri Perak bagi bersama-sama menggembelng tenaga dan usaha secara kolektif, menjitukan semangat dan muafakat bagi mencapai matlamat yang disasarkan. Pelancaran logo MAIPK pada hari yang bersejarah ini pula memberikan jati diri dan identiti baru serta merupakan manifestasi kepada MAIPK yang lebih progresif dalam mendepani alaf baru.

Ke hadhrat Ilahi kita berdoa, agar dilimpahkan petunjuk, kekuatan serta kesabaran tatkala kita melaksanakan rencana strategik yang kita garapkan bersama ini. Hanya kepada Allah subhanahuwata'ala jua kita berdoa agar segenap sumbangan bakti semua pihak, dalam menghasilkan pelan strategik ini, diganjar rahmat, kesejahteraan dan kebahagiaan. Dan ke hadrat Ilahi kita berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan kekal bertakhta dalam kebijaksanaan dan kemuliaan, bagi memimpin serta memayungi perjuangan kita melaksanakan kalam Ilahi, meninggikan syi'ar Islam, dan menyemarakkan kesejahteraan ummah.

Salam Hormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**



# PELAN STRATEGIK MEMBAWA MAIPK LEBIH CEMERLANG PADA MASA HADAPAN

IPOH – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah memperkenalkan bahawa, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mempunyai logo yang tersendiri dan Pelan Strategik untuk lima tahun 2016 - 2021.

"Logo ini dilakar untuk memberi satu identiti kepada Majlis. Logo ini hanyalah satu lakaran di atas kertas; logo ini, sekadar satu simbol – satu lambang. Yang lebih penting dibina, ialah imej dan reputasi, serta persepsi positif di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap MAJLIS. Kerana itu MAJLIS turut mengambil langkah, merangka pelan strategik untuk tempoh lima tahun akan datang. Pelan strategik ini, ialah komponen pengisian yang mengandungi rangka kerja tindakan untuk mencapai misi dan objektif MAJLIS.

Islam menyaranakan umatnya melakukan perancangan secara teliti lagi tersusun dalam setiap perkara, kerana Islam adalah agama yang berpandukan sistem, aturan dan ketertiban yang sempurna. Perancangan yang didasari prinsip keislaman akan sentiasa menjunjung amanah ALLAH. ALLAH Subhanahu Wata'ala mengamanahkan setiap hamba Nya untuk memelihara lima hak manusia, juga dikenali sebagai maqasid syariah. Atas fahaman tersebut, perancangan strategik MAJLIS, dirasionalisasikan, berlandaskan al-Quran dan As-Sunah, yang sama sekali tidak membenarkan matlamat menghalalkan cara. Rasionalisasi dalam perancangan juga bererti meletakkan sasaran, sesuai dengan keupayaan sebenar tanpa bebanan yang melampau, berpandukan semangat yang terkandung dalam ayat 185 Surah Al-Baqarah yang bermaksud:

*"ALLAH menghendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran"*

Terkandung pelbagai contoh di dalam Al-Quran, perancangan yang dilaksanakan oleh para Rasul dalam menyusun rangka kerja secara strategik, ketika memenuhi amanah untuk menyebarkan seruan ILAHI, begitu juga dalam menghadapi situasi semasa. Setiap Rasul menghadapi tentangan yang hebat, disekat, juga dihalang, daripada menyempurnakan amanah; setiap Rasul dan pengikut, berhadapan, bukan sahaja dengan tentangan untuk menyebarkan seruan ILAHI, malah menghadapi ancaman terhadap nyawa mereka. Namun seruan ILAHI tetap dilaksanakan, dan Islam berjaya diperkembangkan melalui perancangan yang tersusun lagi strategik.", titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dalam Majlis Pelancaran Logo dan Pelan Strategik 2016 – 2021 MAIPK di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 27 September 2016.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan turut menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada setiap seorang yang terlibat dalam menghasilkan Pelan Strategik MAIPK dan mengharapkan pelan strategik ini akan membawa MAIPK mencapai kejayaan yang lebih gemilang.





# ***Daulat Tuanku***



## ***Menjunjung Kasih***

Di atas limpah perkenan

Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan

**Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni**

**Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah**

**Al-Maghfur-Lah**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K. (Kelantan),

D.K. (Selangor), D.K.N.S., D.K. (Perlis), Ph.D (Harvard)

mencemar duli berangkat ke Majlis Pelancaran Logo

dan Pelan Strategik

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Tarikh :

**27 September 2016**

**bersamaan**

**25 Zulhijjah 1437H (Selasa)**

Tempat :

**Dewan Al-Ghazali,**

**Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh**



## LENSA MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN PELAN STRATEGIK MAIPK



Tuan Haji Radzi Kamarul Hailan memimpin bacaan doa memohon rahmat dan keberkatan daripada Ilahi.



Titah perasmian oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak sempena Majlis Pelancaran Logo dan Pelan Strategik MAIPK.



Yang Dipertua MAIPK memberikan ucapan sembah alu-aluan.



YAB. Menteri Besar Perak serta Anggota-Anggota MAIPK mengambil gambar kenangan bersama dibawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.



DYMM Paduka Seri Sultan Perak menyerahkan buku Pelan Strategik MAIPK kepada Yang Dipertua MAIPK.



Pemenang pencipta logo MAIPK, Encik Mohd Rashidy Samsudin menerima plak penghargaan daripada DYMM Paduka Seri Sultan Perak.



Sebahagian para tetamu yang hadir ke Majlis Perasmian Logo dan Pelan Strategik MAIPK.

## MOTO

**“MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ‘ADAT”**

## CITRA LOGO MAIPK



- Warna putih membawa maksud kesucian, ketulusan dan akauntabiliti MAIPK sebagai sebuah institusi Islam.
- Warna kuning membawa maksud kesatuan pemikiran dan tindakan bagi mencapai visi dan misi MAIPK.
- Warna hitam membawa maksud kemampuan, berdaya maju dan kekal relevan sepanjang masa merentasi peredaran zaman.

Logo ini secara keseluruhannya melambangkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) sebagai sebuah institusi Islam yang progresif dan dinamik dalam memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

## PELAN STRATEGIK MAIPK 2016-2021



# SEJARAH LOGO, MOTO DAN PELAN STRATEGIK MAIPK

## LOGO dan MOTO

Cadangan pewujudan logo dan moto Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah dikemukakan oleh Pengurusan MAIPK kepada Persidangan Majlis Kali Ke-188 pada 27 Oktober 2014 yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Persidangan Majlis bersetuju dengan cadangan berkenaan atas pertimbangan bahawa MAIPK sebagai sebuah Institusi Islam penting yang memelihara kemaslahatan dan kebajikan ummah di Negeri Perak Darul Ridzuan perlu mempunyai identitinya yang tersendiri. Selain itu, pewujudan logo dan moto MAIPK ini adalah selari dengan usaha-usaha rebranding yang sedang giat dilaksanakan dengan pelbagai inisiatif baharu seperti pewujudan Skuad Prihatin Asnaf, pelaksanaan Program Pemerksaan Asnaf serta pelbagai lagi program ke arah menyebarkan peranan dan tanggungjawab MAIPK. Usaha-usaha ini bermatlamat untuk mengetengahkan lagi peranan MAIPK ke arah meningkatkan lagi persepsi positif masyarakat terhadap Institusi Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Persidangan Majlis berkenaan juga menetapkan agar lakaran logo dan moto MAIPK tersebut diperolehi melalui penyertaan anggota masyarakat. Sehubungan dengan itu, Pertandingan Mencipta Logo dan Moto MAIPK telah dibuka kepada orang awam mulai 19 Januari hingga 27 Februari 2015. Sebanyak 69 penyertaan telah diterima bagi penciptaan logo MAIPK manakala 65 penyertaan pula diterima bagi moto MAIPK.

Seterusnya, sebuah *adhoc committee* telah ditubuhkan oleh Persidangan MAIPK Kali Ke-190 yang bermesyuarat pada 13 Februari 2015 bagi meneliti, menyaring dan menyenarai pendek penyertaan yang diterima untuk dikemukakan kepada Persidangan Majlis

untuk perbincangan sebelum diangkat sembah kepada kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi mendapat perkenan. *Adhoc committee* tersebut dipengerusikan oleh YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini (Ahli Majlis) dan dianggotai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Profesor Dr. Nordin bin Kardi (Ahli Majlis), Dr. Amiruddin bin Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK serta Pegawai Kanan Pengurusan MAIPK.

*Adhoc committee* yang bermesyuarat pada 31 Mac 2015 kemudiannya telah memperakukan beberapa cadangan logo dan moto bagi pertimbangan dan perakuan Persidangan Majlis. Setelah melalui beberapa siri perbincangan dan penambahbaikan, akhirnya Persidangan Majlis keli Ke-194 bertarikh 7 April 2016 telah bersetuju dengan satu lakaran logo dan moto MAIPK untuk diangkat sembah bagi mendapat perkenan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Akhirnya, DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 21 Jun 2016 telah memberi perkenan Baginda terhadap logo dan moto MAIPK berkenaan.

Majlis Pelancaran Logo dan Moto MAIPK oleh kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 27 September 2016 di Auditorium Al-Ghazali, Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan yang juga merupakan pejabat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Ciptaan logo MAIPK telah dimenangi oleh Encik Rashidy bin Samsudin yang berasal dari Taiping dan ciptaan moto pula iaitu "MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT" dimenangi oleh Encik Zulfahmi bin Meor Mohammed Amno yang berasal dari Parit, Perak. Kedua-dua mereka menerima hadiah penghargaan wang tunai, plak penghargaan dan sijil penyertaan.

## PELAN STRATEGIK

Perancangan bagi pembentukan Pelan Strategik MAIPK telah diusulkan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin semasa Persidangan MAIPK Kali Ke-190 pada 13 Februari 2015. Cadangan mewujudkan pelan strategik ini berpandukan Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sempena Majlis Penganugerahan Watikah Lantikan Ahli-Ahli MAIPK pada 13 Februari 2015.

Pelan Strategik MAIPK untuk tempoh enam tahun mulai tahun 2016 sehingga 2021 kemudiannya dirangka. Sebanyak tujuh perbincangan dan satu sesi kolokium telah diadakan mulai 26 Februari 2015 sehingga 27 April 2015 bagi menghimpunkan pelbagai idea bernas, cadangan konstruktif dan strategi tindakan yang menjadi asas perumusan penyediaan pelan strategik. Setelah dimuktamadkan, Pelan Strategik MAIPK ini telah diangkat sembah kepada kebawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi mendapat perkenan dan dilancarkan oleh Baginda pada 27 September 2016.

# PROGRAM MENTOR-MENTEE MAIPK LAHIRKAN USAHAWAN WANITA BERJAYA

IPOH – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Program Mentor Mentee dengan kerjasama Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI). Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta terutamanya ilmu pengurusan perniagaan yang sistematik dan tersusun. Berikut dikongsikan pengalaman dua peserta yang mengikuti program ini.

## Puan Norrimah Binti Othman

"Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang", itulah pepatah Melayu bagi menggambarkan kesusahan yang dihadapi oleh Puan Norrimah Binti Othman sekeluarga sebelum ini. Beliau menetap di Kuala Kangsar. Puan Norrimah sebelum ini hanyalah seorang penoreh getah dan mengambil upah mencuci rumah orang dengan pendapatan sebanyak RM25.00 sehari. Suami beliau pula berkerja sebagai pemandu lori dan memperolehi pendapatan berjumlah RM900.00 sebulan. Beliau mempunyai enam orang anak dan kesemuanya masih bersekolah dan memerlukan keperluan serta belanja yang lebih bagi menampung persekolahan anak-anaknya.

Puan Norrimah begitu minat dalam bidang masakan kuih muih dan kerepek. Beliau mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan pada tahun 2014. Beliau membuat dan menjual kuih tiram mengikut tempahan daripada masyarakat setempat. Puan Norrimah kemudiannya berusaha menghasilkan kerepek rempeyek dengan mencuba dan mengolah resepi sedia ada bagi menghasilkan rempeyek yang benar-benar sedap serta memenuhi cita rasa pelanggan.

Pada tahun 2015, Puan Norrimah mula mengusahakan perniagaannya sendiri (Sinar Warisan Ema Enterprise). Pada permulaan perniagaan, beliau hanya memperolehi pendapatan sebanyak RM1,000 dan kini pendapatan beliau meningkat sehingga RM10,000 sebulan setelah terpilih mengikuti Program Mentor-Mentee anjuran MAIPK pada tahun 2016. Saiz rempeyek yang besar memberi kelainan dan perbezaan dengan rempeyek di pasaran terkini.

Nama : Norrimah Binti Othman  
 Umur : 36 tahun  
 Syarikat : Sinar Warisan Ema Enterprise  
 Produk : Rempeyek  
 Pendapatan Sebelum Bantuan: RM1,000  
 Pendapatan Selepas Bantuan: RM10,000  
 Untuk tempahan boleh hubungi nombor berikut :  
 016-428 0571  
 016-592 6264 (WhatsApp)

## Puan Arnie Sariana Binti Mohd Sabri


Puan Arnie Sariana Binti Mohd Sabri memasuki bidang perniagaan pada tahun 2011. Beliau telah menceburi bidang pastri dengan mengeluarkan produk kek, muffin, dan durian crepe serta mula berniaga secara dalam talian menggunakan media sosial facebook. Beliau menetap di Pasir Puteh, Ipoh Perak dan tinggal bersama suami dan empat orang anaknya. Suaminya merupakan pengawal keselamatan dan turut membantu menguruskan perniagaan Puan Arnie.

Pada tahun 2014, Puan Arnie telah mengeluarkan produk baru beliau iaitu 'Tart Nanas' yang merupakan produk paling mendapat sambutan daripada para pelanggan beliau. Malahan, Puan Arnie turut mendapat tempahan dari luar negeri Perak. Pendapatan dahulunya hanya RM700, kini telah meningkat sehingga RM25,000 sebulan setelah melibatkan diri dalam Program Mentor-Mentee anjuran MAIPK. Sebahagian wang modal yang diserahkan kepada beliau oleh pihak MAIPK telah digunakan untuk mengiklankan produknya. Puan Arnie turut menyatakan, ilmu pengurusan perniagaan seperti kunci kira-kira serta pantauan daripada pihak MAIPK dan KBI membolehkan beliau menguruskan perniagaan dengan baik. Selain itu, segala permasalahan yang dihadapinya telah diutarakan terus kepada pihak MAIPK serta KBI dan kaedah itu sangat membantu beliau menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.

Nama : Arnie Sariana Binti Mohd Sabri  
 Umur : 32 tahun  
 Syarikat : Sinar Warisan Ema Arnie Simply Delicious  
 Pendapatan Sebelum Bantuan: RM700  
 Pendapatan Selepas Bantuan: RM25,000  
 Untuk tempahan boleh like dan hubungi nombor berikut :  
 Arnie Sariana Tart Nanas Gold  
 011-24312970



## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK




Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Siti Natrah Ghazali di Ipoh pada 04 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Encik Rosli Bin Mat Ros di Kampung Dato Ahmad Said, Manjoi pada 25 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan dan bina rumah kepada Puan Maimunah Malik di Kuala Kangsar pada 4 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Saidatul Hajar Asmira di Kampung Rapat Jaya Tambahan, Ipoh pada 25 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Encik Saiful Azman Bin Abdul Malek di Kampung Bakap Baru, Batu Gajah pada 12 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan dan bina rumah kepada keluarga Encik Azudin Bin Alazmi di Taiping pada 25 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Encik Sulaiman di Kampung Gajah pada 14 Julai 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Nor Suliana Binti Mohamad Aripin di Pengkalan pada 08 September 2016.



Sumbangan bantuan rumah sewa kepada keluarga Encik Hazla Rizal Bin Abdul Khalid di Ipoh Garden pada 24 Julai 2016.



Sumbangan bantuan enjin dan bantuan bot fiber kepada Encik Azman Mohamed Zaman di Pekan Sungai Kerang Trong pada 21 September 2016.

## MAIPK BANTU 76 ORANG ANAK ASNAF

IPOH – MAIPK telah memeterai perjanjian kerjasama bersama Akademi Binaan Malaysia (ABM) yang melibatkan tiga bidang kursus kemahiran iaitu Pengendali Jentera Berat (Mobile Crane and Excavator), Scaffolding dan Pemasangan IBS dan Kimpalan (Inspector Level). Kursus kemahiran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran asnaf dalam bidang pengkhususan yang dianjurkan dan seterusnya melahirkan tenaga kerja yang produktif dan berkecekapan. Di samping itu, ianya meningkatkan kemahiran para peserta seiring dengan perubahan teknologi semasa. Kerjasama ini memaparkan keberkesanan agihan zakat sendiri dalam membantu asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan melalui kemahiran yang telah diberikan. Pihak MAIPK sendiri akan menjalankan pemantauan secara berkala bagi setiap kursus yang dianjurkan.

Kerjasama ini melibatkan kos sebanyak RM965,880.00 bagi 76 orang pelajar keseluruhannya. Seramai 20 orang pelajar telahpun mengikuti Kursus Lukisan Seni Bina selama enam bulan bermula bulan April yang lalu dan melibatkan pelajar perempuan dengan kos sebanyak RM289,000.00. Sekali lagi pihak MAIPK menghantar seramai 56 orang pelajar pada 08 Ogos 2016 bagi mengikuti kursus Pengendali Jentera Berat (Mobile Crane and Excavator) selama lima bulan, Kursus Scaffolding selama tiga bulan dan Pemasangan IBS serta Kimpalan (Inspector Level). Semoga kerjasama ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya para asnaf serta mampu melahirkan tenaga kerja yang produktif dan berkecekapan sekaligus mampu mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik.

Butiran Kursus Dan Penglibatan Pada Tahun 2016

| KURSUS                                                  | TEMPOH PENGAJIAN | KOS PER INDIVIDU (RM) | JUMLAH PELAJAR (ORANG) | JUMLAH (RM)       |
|---------------------------------------------------------|------------------|-----------------------|------------------------|-------------------|
| Pengendalian Jentera Berat (Mobile Crane and Excavator) | 5 Bulan          | 14,050.00             | 20                     | 281,000.00        |
| Scaffolding dan Pemasangan IBS                          | 3 Bulan          | 10,830.00             | 16                     | 173,280.00        |
| Kimpalan (Inspector Level)                              | 3 Bulan          | 11,130.00             | 20                     | 222,600.00        |
| Kursus Lukisan Seni Bina                                | 6 Bulan          | 14,450.00             | 20                     | 289,000.00        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                               |                  |                       | <b>76</b>              | <b>965,880.00</b> |



## WAQAF PERAK AR-RIDZUAN DI PANGKOR INTERNATIONAL DEVELOPMENT DIALOGUE (PIDD) 2016

IPOH – Pangkor International Development Dialogue (PIDD) 2016 telah berlangsung pada 05 hingga 07 September 2016 di Ipoh, Perak. Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) yang diuruskan oleh MAIPK turut mengambil bahagian dalam dua sesi yang diaturkan oleh penganjur. Sesi pertama iaitu "Moh Ngeteh with Waqfworld" dan sesi kedua ialah Program Satelit "Increasing Awareness on Waqf".

Sesi pertama yang berlangsung pada 06 September 2016 membincangkan mengenai perkongsian ahli panel berkaitan instrumen wakaf secara umum dalam menyelesaikan masalah ummah. Manakala program satelit yang ditaja oleh Pejabat YB. Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah Negeri Perak pada hari berikutnya diisi dengan perkongsian secara terperinci berkaitan penggunaan instrumen wakaf dalam meningkatkan sosioekonomi ummah terutamanya di Negeri Perak. Sesi ini turut dimeriahkan dengan ucapan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, WPAR juga turut mengadakan booth pameran supaya pengunjung-pengunjung dapat memperoleh maklumat secara tepat tentang kaedah berwakaf atau informasi berkaitan projek yang dilaksanakan oleh WPAR. Sepanjang berlangsungnya PIDD

2016 terdapat ramai pengunjung dan banyak agensi kerajaan atau swasta mengadakan kunjungan ke booth WPAR, ada yang memberi pandangan, maklum balas serta menawarkan kerjasama secara langsung atau tidak langsung. Pihak MAIPK mengucapkan ribuan terima kasih kepada pewakaf-pewakaf yang telah menyumbang kepada tabung WPAR.



## USAHA DAKWAH BERKAITAN ZAKAT TERUS DIPERGIAT DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA

KAMUNTING – Unit Kaunter Luar dan Pameran, Bahagian Pemasaran MAIPK tidak ketinggalan dijemput menyertai Program Pemukiman YAB. Menteri Besar Perak di Daerah Larut serta pameran sempena Program Hari Koperasi Negara 2016 peringkat negeri Perak yang telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Larut Matang dan Selama, Kamunting. Program-program tersebut telah diadakan bermula pada 16 hingga 20 Ogos 2016 yang melibatkan beberapa lokasi seperti di Dataran Selama, Masjid Batu 8, Jelai, Sekolah Menengah Kubu Gajah dan Felda Ijok .

Booth pameran MAIPK yang dikendalikan oleh beberapa petugas MAIPK Ibu Pejabat serta MAIPK Daerah Taiping telah mendapat sambutan baik. Para pelanggan yang hadir terdiri daripada

usahawan, penjawat awam serta orang awam yang masing-masing bertanyakan tentang kaedah pengiraan zakat yang tepat. Seperti biasa, pembayar-pembayar zakat akan dibekalkan cenderahati sebagai tanda terima kasih di atas keprihatinan kepada golongan asnaf yang berhak

keatas dana zakat yang ditunaikan tersebut. Terima kasih pembayar-pembayar zakat, 'Harta Terpelihara, Asnaf Terbela'.



## KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT DIPERTINGKATKAN DI BULAN RAMADHAN

IPOH – Sempena bulan Ramadhan yang penuh berkat, umat Islam turut tidak melepaskan peluang untuk mengambil keberkatan dengan melaksanakan kewajipan berzakat. Selain daripada, kewajipan menunaikan zakat fitrah, umat Islam tidak ketinggalan melaksanakan zakat harta seperti simpanan, pendapatan, emas dan perak dan perniagaan.

Majoritinya, petugas MAIPK yang berada di 'barisan hadapan' dimaklumkan pembayar-pembayar zakat lebih gemar menetapkan haul kiraan zakat pada bulan Ramadhan. Ada juga pembayar zakat berkata "datang je bulan puasa, ingat nak bayar zakat". Oleh yang demikian, pada 01 Julai 2016 Bahagian Pemasaran MAIPK mengambil inisiatif mengadakan kaunter sepanjang bulan Ramadhan di hadapan Bank Islam untuk memudahkan lagi pembayar zakat menunaikan kewajipan berzakat. Inisiatif ini akan diteruskan dari tahun ke tahun kerana ianya satu kemudahan yang mendapat maklum balas positif daripada pelanggan-pelanggan terutamanya bagi yang berumur dan uzur.



## MAJLIS PERASMIAN LADANG MAIPK (WAKAF SARAAN MASJID)

SUNGKAI – Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Dr. Amiruddin Bin Muhamed telah merasmikan tuaian pertama buah kelapa sawit di ladang MAIPK Sungkai (Wakaf Saraan Masjid) pada 21 September 2016. Tuan Haji Mohamad Tarmizi Bin Taib, Ketua Pegawai Eksekutif PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB) dan Dato' Haji Shoib Bin Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah PSB turut sama hadir dalam majlis tersebut.

Tanah ini merupakan tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tujuan saraan masjid-

masjid seluruh Negeri Perak. Tanah ini telah didaftarkan atas nama MAIPK pada 12 April 2013 selaku pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf seluruh Negeri Perak menurut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Dr. Amiruddin Bin Muhamed bersama tetamu jemputan lain telah dibawa melawat sekitar ladang tersebut. Beliau secara simbolik turut menyempurnakan tuaian Buah Tandan Segar (BTS) pertama bagi ladang ini. Ladang yang berkeluasan 1,850 ekar ini dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit oleh anak syarikat MAIPK, PSB, sesuai dengan kepakaran dan pengalaman luas PSB dalam bidang perladangan. PSB telah memulakan projek ini mulai Ogos 2013 dengan tanaman pertama pada tahun 2014 dalam anggaran 120 pokok sehektar. Hasil keuntungan bersih dari ladang ini yang diserahkan kepada MAIPK akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Masjid Negeri Perak yang ditadbir sepenuhnya oleh MAIPK untuk diagihkan kepada masjid-masjid berdasarkan keperluan dan keutamaan.



## MAIPK ADAKAN PROGRAM MUMTAZ PELAJAR SPM 2016

LUMUT – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Manjung telah menganjurkan Program Mumtaz – Perkampungan Ilmu SPM 2016 yang melibatkan seramai 113 pelajar daripada dua buah sekolah iaitu SMK Dato Idris dan SMK Pantai Remis. Program ini bermula pada 23 hingga 25 September 2016 di Virgo Batik Resort, Teluk Batik. Perkampungan Ilmu SPM 2016 merupakan salah satu program di bawah Projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) iaitu Wakaf Ilmu-Program Mumtaz dan Pembelajaran ICT.

Peserta yang menyertai program perintis ini terdiri daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah di mana bertujuan membantu merapatkan jurang perbezaan antara pelajar luar bandar dengan bandar. Di samping itu, program ini meningkatkan motivasi di kalangan para peserta serta berusaha mempertingkatkan prestasi pencapaian SPM. Sepanjang tiga hari program ini berlangsung, para peserta telah diberi tunjuk ajar tentang tip-tip dan teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul. Tenaga pengajar terdiri daripada

guru-guru cemerlang dari seluruh Negeri Perak. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari.



## MAIPK SERTAI KPICT 2016



JOHOR BAHRU – Perkembangan teknologi masa kini yang semakin pantas tidak boleh lagi dinafikan oleh penjawat awam khususnya kerana hampir kesemua gerak kerja bergantung dengan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Setiap perkara yang melibatkan kepantasan dan kecekapan dalam menghasilkan sesuatu kerja yang berkualiti kala ini mestilah menggunakan ICT. Kesedaran kepada semua pengguna terhadap perkembangan ICT adalah amat penting bagi semua tujuan meningkatkan kualiti sesebuah organisasi mahupun individu.

Penjelasan di atas adalah antara tujuan utama dalam program yang diadakan baru-baru ini iaitu Konvensyen Pentadbir ICT 2016 atau lebih sinonim lagi dengan panggilan KPICT '16 yang dianjurkan oleh Universiti Tun Hussien Onn (UTHM) khas untuk semua pentadbir ICT di negara ini. Program ini selain memberi maklumat baru berkenaan perkembangan ICT negara ianya juga adalah antara acara tahunan yang berprestij dari segi pengisian perkongsian maklumat teknikal ICT terkini di negara ini. Seramai empat orang wakil dari MAIPK telah menghadiri program tersebut. Kesemua peserta yang hadir bagi program tersebut terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi Tempatan.

Sebanyak lima sesi utama diatur sepanjang program ini berlangsung yang menepati tema konvensyen kali ini iaitu 'Global & Future IT Challenge'. Pembukaan yang menarik bagi sesi pertama iaitu bersama jemputan khas Dato' Norman Abdul Halim (Norman KRU) sebagai slot aspirasi ikon. Beliau membuat perkongsian yang menarik mengenai syarikatnya yang terkenal iaitu KRU dengan dimana permulaan, cabaran dan pencapaian sehingga sekarang. Pelbagai

info diberikan sama ada bersifat keperibadian mahupun kaitan dengan organisasi awam.

Program ini juga membuka peluang kepada syarikat ICT swasta untuk memperkenalkan produk mereka bagi penggunaan agensi kerajaan atau swasta. Mereka juga diberikan setiap satu slot khas bagi sesi penerangan kepada peserta konvensyen. Mengakhiri program tersebut, perasmian penutup dirasmikan oleh Ketua Pengarah MAMPU, Dato' Seri Zainal Rahim Seman.



## MAIPK MENYERTAI PERARAKAN KENDERAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2016 PERINGKAT NEGERI PERAK

IPOH – MAIPK menyertai perarakan kenderaan yang bertempat di Padang Ipoh bersempena sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-59 Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 pada 31 Ogos 2016 yang lalu. Kontinjen MAIPK telah disertai oleh 20 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan beserta sembilan buah kenderaan jabatan. Di antara kenderaan jabatan yang telah mengambil bahagian pada perarakan kali ini adalah empat buah motorsikal jenis scrambler, empat buah kenderaan pacuan empat roda dan sebuah van bergerak. Di samping bersama-sama menyambut Hari Kemerdekaan Yang Ke-59, tujuan perarakan kenderaan ini juga bagi memperkenalkan kepada masyarakat tentang fungsi MAIPK sebagai salah sebuah institusi yang meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam di Perak.

Melalui perarakan kenderaan jabatan yang dipertontonkan kepada umum ini juga dapat menunjukkan kepelbagaian wacana MAIPK dalam mengemblem sumber ekonomi umat Islam di negeri ini. Hal ini bukan sahaja tertumpu pada pungutan dan agihan wang zakat, akan tetapi turut menjelaskan pada umum tentang logistik pengurusan tanah wakaf dan baitulmal oleh pihak MAIPK. Seiring dengan tema "Sehati Sejiwa", kesemua ahli kontinjen MAIPK telah memberikan sepenuh komitmen dalam perarakan kenderaan ini yang bermula pada pukul 7.00 pagi dan berakhir pada pukul 12 tengahari.



# WAKAF PEMANGKIN EKONOMI UMAT

Oleh : Bahagian Mal dan Wakaf

Sejarah membuktikan bahawa wakaf merupakan salah satu medium yang dapat membantu pengembangan dan peningkatan ekonomi sesebuah negara. Harta wakaf umumnya boleh dibangunkan dengan pelbagai projek yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada masyarakat. Contohnya, menyediakan tempat pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadat, rumah kediaman, permis perniagaan dan lain-lain kemudahan yang membantu perkembangan ekonomi negara. Projek-projek tersebut juga memberi kesan pembangunan ekonomi secara langsung mahupun tidak langsung kepada masyarakat Islam. Selari dengan peranan wakaf dalam membantu meningkatkan ekonomi umat Islam, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) mengambil inisiatif untuk membantu usahawan-usahawan yang sedang berniaga secara kecil-kecilan dengan menyediakan ruang niaga yang lebih selesa dan teratur dengan kadar sewaan yang mampu mereka tanggung.

Waqf Business Centre (WBC) adalah premis perniagaan dengan reka bentuk moden dan infrastruktur yang lengkap merupakan projek yang dirancang untuk dibina di atas tanah wakaf dan baitulmal di lokasi strategik dan berdaya maju di seluruh negeri Perak. WBC akan dilaksanakan dengan kerjasama anak syarikat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) iaitu PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB). WBC ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil mendapatkan ruang niaga yang mampu sewa bagi meningkatkan ekonomi keluarga. Untuk menjayakan projek ini, dana sebanyak RM20 juta diperlukan.

Sehingga 04 Ogos 2016, jumlah kutipan WPAR bagi Projek WBC adalah berjumlah RM36,169.82.

Untuk permulaan, dua pilot projek WBC telah dijalankan iaitu di Masjid Klebang Restu, Ipoh dan di Masjid Behrang 2020, Slim River. Melihat kepada keperluan dan permintaan penduduk sekitar, WBC Masjid Klebang Restu telah dibina di atas Lot 335810, Perkarangan Masjid Jamek, Medan Klebang Restu, Chemor, Perak. Projek melibatkan pembinaan tiga unit permis perniagaan berkeluasan 400 kaki persegi setiap unit dan ia merupakan projek pertama di bawah peruntukan dana WPAR yang telah siap sempurna dan akan dibuka untuk sewaan. Projek WBC seterusnya adalah di atas lot 12293, Mukim Hulu Bernam Timur, Daerah Muallim, Perak bersebelahan Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Slim River. Projek melibatkan enam unit permis perniagaan berkeluasan 150 kaki persegi untuk setiap unit sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung bulan Ogos 2016.

Untuk memperluaskan lagi projek WBC ini, MAIPK telah mengenalpasti beberapa lot tanah wakaf dan baitulmal yang berpotensi untuk dibangunkan pada masa hadapan. Di antaranya adalah di Ipoh, Manjung, Teluk Intan dan Parit Buntar. Diharap sumbangan berterusan masyarakat khasnya umat Islam kepada WPAR dapat merealisasikan perancangan pertambahan projek WBC ini di masa depan.

WBC MASJID KLEBANG RESTU



WBC MASJID BEHRANG 2020



Kaunter MAIPK Bergerak sempena Program Mesra dan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu anjuran Biro Pengaduan Awam Negeri Perak di Mydin Meru pada 07 Julai 2016.



Majlis Ramah Mesra Bersama Barisan 'Trainer' Program Demaga Anjuran MAIPK, ABIM dan JPN pada 19 Ogos 2016.



Program MUMTAZ UPSR Waqaf Perak Ar-Ridzuan di Tanjung Malim pada 29 - 31 Julai 2016.



Majlis Menandatangani Perjanjian Pelantikan Amil Khas pada 07 September 2016.



Perhimpunan Bulanan MAIPK pada 19 September 2016.



Pihak MAIPK menyertai 12Th World Islamic Economic Forum di Jakarta, Indonesia pada 02 - 04 Ogos 2016 bagi mempromosikan Waqaf Perak Ar-Ridzuan.



Lawatan MAIPK ke panel pusat dialisis di sekitar Negeri Perak pada 28 - 30 September 2016.



Penyerahan Zakat Pertiagaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad pada 18 Ogos 2016.



## Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu semasa menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah :

1. Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
2. Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
3. Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
4. Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
5. Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
6. Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
7. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



### PAKEJ UJIAN SARINGAN KESIHATAN (HEALTH SCREENING)

#### PAKEJ RIJAL RM 390.00

Physical Examination  
Consultation (Doktor Pakar Perubatan)  
Full Blood Exam  
Renal Function Test  
Liver Function Test  
Diabetic Screen  
Cononary Risk Factor  
Urine FEME  
RPR (VDRL)  
ABO Blood Group + Resus  
Hepatitis B Surface Antigen (HBsAg)  
Hepatitis B Surface Antigen (HBsAb)  
Tyroxine  
Rheumatoid Factor (RF)  
Urine Microalbumin (UMALB)  
H.Pylori  
Alpha Foetoprotein (AFP)  
Carcino-Embryonic Antigen (CEA)  
PSA  
ECG  
Chest X-ray

Ujian Tambahan  
Stress Test (Baru)

**RM200**

\*Pemeriksaan akan dilakukan oleh Doktor Pakar  
\*Dinasihatkan berpuasa sekurang-kurangnya 8  
hingga 10 jam sebelum pemeriksaan  
\*Sila hubungi kami untuk temujanji



Ar-Ridzuan

PUSAT PERUBATAN AR-RIDZUAN  
A-1, GREENTOWN SURIA  
JALAN DATO SERI AHMAD SAID  
30450 IPOH, PERAK  
TEL : 05-242 1111 / FAX : 05-241 1111

### PAKEJ UJIAN SARINGAN KESIHATAN (HEALTH SCREENING)

#### PAKEJ NISA RM 400.00

Physical Examination  
Consultation (Doktor Pakar Perubatan)  
Full Blood Exam  
Renal Function Test  
Liver Function Test  
Diabetic Screen  
Cononary Risk Factor  
Urine FEME  
RPR (VDRL)  
ABO Blood Group + Resus  
Hepatitis B Surface Antigen (HBsAg)  
Hepatitis B Surface Antigen (HBsAb)  
Tyroxine  
Rheumatoid Factor (RF)  
Urine Microalbumin (UMALB)  
H.Pylori  
Alpha Foetoprotein (AFP)  
Carcino-Embryonic Antigen (CEA)  
CA 1 2 5  
CA 1 5 3  
ECG  
Chest X-ray

Ujian Tambahan  
Stress Test (Baru)

**RM200**

\*Pemeriksaan akan dilakukan oleh Doktor Pakar  
\*Dinasihatkan berpuasa sekurang-kurangnya 8  
hingga 10 jam sebelum pemeriksaan  
\*Sila hubungi kami untuk temujanji



Ar-Ridzuan

PUSAT PERUBATAN AR-RIDZUAN  
A-1, GREENTOWN SURIA  
JALAN DATO SERI AHMAD SAID  
30450 IPOH, PERAK  
TEL : 05-242 1111 / FAX : 05-241 1111